

# Mahathir tidak halang Anwar

B.H - 8 AUG 1993

Ⓟ  
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak menghalang Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan agung November ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung MIC di sini, semalam, Presiden Umno itu bagaimanapun, menegaskan beliau tidak menyokong mana-mana pihak yang akan bertanding bagi jawatan nombor dua parti.

"Saya nyatakan sepatutnya tidak ada pertandingan dan saya tidak boleh keluar dengan menyokong mana-mana pihak kerana saya sepatutnya neutral.

"Kalau diadakan pertandingan, kemudian saya terpaksa mencantumkan balik (perpaduan parti) selepas pertandingan. Jika saya memihak kepada mana-mana pihak, maka ia akan menyebabkan pihak yang saya tak sokong tidak sanggup menerima nasihat saya." katanya.

Dr Mahathir berkata, ada-

lah menjadi tugasnya untuk mencantumkan Umno jika wujud perpecahan di kalangan anggota parti disebabkan berlakunya pertandingan di kalangan calon.

"Tetapi pendapat saya ialah kalau tidak ada pertandingan memang lebih baik daripada mengadakan pertandingan sebab kalau ada pertandingan akan ada sedikit sebanyak perpecahan. Bagaimanapun saya neutral dan saya mesti neutral.

"Saya tidak boleh memihak kepada mana-mana pihak." katanya.

Dr Mahathir menyambut baik pendirian Anwar tidak akan bertanding untuk jawatan nombor dua itu tetapi akan menyerahkan keputusan kepada anggota parti.

"Apabila Anwar menyatakan dia tidak akan bertanding, saya sambut baik kerana dia kata dia tidak nak bertanding. Tapi kalau dia tukar pendiriannya, itu soal dia. Saya tidak boleh nak halang dia.

"Ini adalah konflik di antara perkara yang wajar mengikut Perlembagaan (parti) dan apa yang sewajarnya

mengikut tradisi. Ada konflik dalam hal itu." katanya.

Ditanya sama ada sebarang penyelesaian melalui kompromi berhubung pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden yang kini dipegang oleh Ghafar Baba, beliau berkata:

"Penyelesaian untuk apa? Kita tidak ada sebarang masalah. Oleh itu, kenapa perlu ada kompromi atau sebagainya?"

Ditanya sama ada perlu ada kompromi antara calon

LHAT MUKA 2

Jangan  
tersalah  
pilih  
ketua

B.H - 8 AUG 1993  
MUKA 1

yang akan bertanding jawatan itu, beliau berkata: "Kita tidak nampak berlaku sebarang masalah. Tetapi saya hairan kenapa orang begitu berminat."

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menasihatkan semua parti komponen BN tidak tersalah memilih pemimpin atau asyik menukar-nukar pemimpin tanpa sebab kerana tindakan itu akan merugikan negara serta rakyat.

"Jika tindakan menukar pemimpin sekadar mahu melihat pertukaran, tindakan itu tidak betul. Kita harus menilai dengan teliti sebelum bertindak menukar seseorang pemimpin."

Ditanya mengenai 'penyakit MIC yang berpindah kepada Umno', Dr Mahathir menjelaskan: "Saya dengar ada kejadian baling kerusi di mesyuarat Umno cawangan sedangkan sekarang dalam mesyuarat MIC tidak ada kes baling kerusi."

"Walaupun kejadian ini tidak serius tetapi ia sepatutnya tidak berlaku. Jika yang terbabit melanggar undang-undang, parti akan mengenakan tindakan disiplin ke atas mereka."

# JANGAN SILAP

B.H. - 8 AUG 1993

# PILIH PEMIMPIN: PM

Oleh Kamal Ahmad



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kesilapan memilih pemimpin yang mengamalkan ideologi atau pendekatan yang salah akan merugikan negara dan rakyat menjadi mundur.

Menurutnya, rakyat harus bijak memilih pemimpin yang bertanggungjawab, berkemampuan, jujur, ikhlas serta berwawasan menjaga nasib dan kebajikan mereka.

"Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya mengatasi masalah politik, ekonomi dan sosial kerana mempunyai pemimpin bukan saja berkemampuan dan dedikasi tetapi juga ikhlas serta jujur.

"Tidak ada yang lebih buruk bagi sesuatu negara daripada mendapat pemimpin yang tidak berwibawa," katanya ketika berucap di Mesyuarat Agung ke-40 MIC, di sini, semalam.

Hadir di majlis itu ialah Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan timbalannya, Datuk S Subramaniam, serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata, kejadian di beberapa negara sudah membuktikan bahawa sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi dan mempunyai tenaga kerja yang mahir tidak berupaya memba-

pinnya tidak berwibawa.

Mengenai pembabitan semua lapisan masyarakat mencapai Wawasan 2020, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan tidak ada mana-mana kaum yang diketepikan sebaliknya yakin semua kaum memperoleh peluang dan faedahnya.

"Di negara ini, tidak ada halangan dan sekatan terhadap usaha mengumpul harta kekayaan. Semua kaum bebas mencari kekayaan. Bagi mereka yang sanggup berusaha kuat dan tabah menghadapi cabaran, mereka boleh berjaya.

"Kejayaan tidak mengenal kaum. Ini terbukti jika kita lihat mereka yang berjaya dalam sektor korporat adalah daripada pelbagai kaum," katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, hakikat hidup dalam masyarakat berbilang kaum adalah faktor tambahan untuk membuktikan kepada dunia bahawa masyarakat majmuk di negara ini tetap hidup aman, maju dan makmur.

"Tidak ada sebab kita tidak boleh membina kejayaan yang lebih besar bersama-sama pada masa depan. Yang penting ialah kestabilan politik negara perlu dikekalkan.

"Hanya kerajaan BN saja yang boleh menjamin kestabilan negara akan berterusan," katanya.